

# Isu buruh budak perlu diberi perhatian serius

BH 21.1.2014 | 2

**Sandakan:** Kes buruh kanak-kanak di Sabah perlu diberi perhatian serius oleh masyarakat walaupun pembabitan mereka sebagai pekerja dikatakan hanya dalam industri kecil.

Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Murnizam Halik, berkata ia bagi mengelak penggunaan buruh kanak-kanak secara besar-besaran yang akan menyukarkan pemantauan pihak berkuasa terhadap majikan.

Katanya, ketika ini pihak bertanggungjawab sukar memeriksa usia kanak-kanak dijadikan buruh kerana tiada penguatan kuasaan khusus bagi memastikan kelayakan bekerja.

“Ada kanak-kanak mengaku kerja sambilan manakala kanak-kanak warga asing sukar diperiksa sebab tiada dokumen.

“Ini menyebabkan majikan mengambil kesempatan mengupah kanak-kanak kerana tiada kos lain dan tidak perlu membayar gaji setimpal.

“Walaupun isu kanak-kanak bekerja di Sabah dianggap biasa, pemantauan perlu dibuat kerana ia salah mengikut Akta Kanak-Kanak dan dikhawatir mengakibatkan penggunaan tenaga buruh kanak-kanak secara besar-besaran,” katanya.

Beliau mengulas isu kanak-kanak bawah umur disiarkan BH sebelum ini yang terpaksa bekerja demi mencari rezeki sekitar daerah ini, termasuk pencuci kereta, menjual buah dan rokok, selain kertas dipercayai mengandungi nombor ekor.